

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

### Banci Ekonomi 2023 mulai April

# Banci Ekonomi 2023 mulai April

Pelaksanaan di semua sektor ekonomi termasuk bukan berdasarkan keuntungan

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan melaksanakan Banci Ekonomi 2023 bermula April hingga September 2023.

Banci ekonomi itu meliputi semua pertumbuhan perniagaan dan pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan di Malaysia.

Ia merangkumi semua sektor ekonomi iaitu pertanian, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta perkhidmatan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata dianggar 1.2 juta pertubuhan akan diliputi dalam Banci Ekonomi 2023.

"Menerusi banci ini, punca pertumbuhan baharu ekonomi dapat



Rafizi bersama Mohd Uzir (tiga dari kiri) dan Nor Azmie (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Banci Ekonomi 2023 di Sasana Kijang, Bank Negara, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

dikenal pasti dan DOSM berupaya menjana statistik ekonomi baharu yang ketara untuk dipantau.

"Antara statistik baharu boleh dikeluarkan ialah statistik industri kenderaan elektrik (EV), e-su-

kan dan dron.

"Ada juga perangkaan sosioekonomi yang mula dibanci buat pertama kali seperti pemilikan (pernjagaan) belia," katanya pada pelancaran Banci Ekonomi 2023, di

sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin; Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Azmie Diron dan Penolong

Gabenor Bank Negara Malaysia, Fraziali Ismail.

#### Setiap lima tahun sekali

Banci Ekonomi 2023 adalah banci kelima dilaksanakan setiap lima tahun sekali dan kali terakhir dibuat pada 2016 (bagi tahun rujuhan 2015).

Banci berkenaan awalnya dirancang pada 2021 tetapi terpaksa ditunda berikutan penularan wabak COVID-19 yang melanda negara pada Mac 2020.

Banci Ekonomi 2023 adalah banci pertama yang meliputi semua aktiviti ekonomi pada tahun rujukan 2022.

Berbeza banci ekonomi sebelum ini, subsektor Perdagangan Borong dan Runcit pertama kali diliputi dalam Banci Ekonomi 2023, yang mana sebelum ini Banci Ekonomi dan Banci Perdagangan Borong dan Runcit dijalankan secara berasingan.

Banci Ekonomi 2023 dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) yang mana Seksyen 5 di bawah akta itu mengkehendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada DOSM.